

CNS0811

U PB 08-11 00163 PW211

BAH DEM

Mahathir - Surat Layang

SURAT LAYANG UNTUK SERANG UMNO DARI DALAM, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa surat layang kini digunakan sebagai satu strategi untuk menyerang UMNO dari dalam kesana tidak adasesuatu yang boleh mengancam UMNO dari luar.

Sehubungan itu beliau menggesa anggota parti supaya jangan terpedaya dengan gejala itu kerana ia merupakan dakyah untuk mejutuhkan parti.

Sambil menyifatkan mereka yang bertanggung jawab dengan surat layang itu sebagai +pengecut+ dan berniat jahat, beliau berkata, golongan yang tidak bertanggungjawab cuba meresapi jiwa anggota UMNO menerusi surat layang.

+Kalau mereka benar-benar mahu memperjuangkan nasib orang Melayu, Bumiputera, agama Islam, mereka boleh buat secara terang-terang dan bercakap dalam perhimpunan ini,+ katanya semasa mengyulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menurut Dr Mahathir, penyebar surat layang tahu bahawa sebarang tekanan daripada luar akan hanya merapatkan lagi barisan UMNO. -- Lagi.

▼08/11/18-31MST

CNS0818

U PB 08-11 00115 PW214

BAH DEM

Mahathir - Surat, Layang 2 Kuala Lumpur

Katanya: +Kita tidak boleh berpegang sama sekali pada surat layang kerana tujuannya buruk iaitu untuk melemahkan parti,

+Surat layang sebenarnya bertujuan buruk, untuk rosakkan parti kita, untuk pecah-belahkan kita, untuk pecah-belahkan pemimpin,+ tegasnya.

Isu surat layang, +Surat Dari Kota+ menjadi topik hangat yang diperbahaskan dalam perhimpunan tiga hari yang dihadiri lebih 1,700 perwakilan.

Surat yang dikatakan tersebar meluas ke seluruh negara memburuk-burukkan para pemimpin tinggi parti, termasuk Dr Mahathir sendiri.

Dr Mahathir juga sedih kerana ada kalangan perwakilan yang menyatakan bahawa surat layang itu baik atas alasan ia boleh menjadi nasihat kepada pucuk pimpinan. -- Lagi.

▼08/11/18-40MST

CNS0826

U PB 08-11 00176 PW216

BAHDEM

Mahathir - Surat Layang 3 Kuala Lumpur

+Bolehkah kita fikir bahawa surat layang mempunyai niat yang baik?+
soal beliau.

+Kalau mempunyai niat yang baik, dia datang sini cakap terang-terang.
Saya yakin semua akan datang menyokong kerana kita bebas,+ tambah beliau.

Dr Mahathir berkata, swat-swat layang itu membuat pelbagai tuduhan yang tidak berasas dan berpegang kepada apa yang beliau sifatkan sebagai kenyataan separuh benar (half-truth), seperti amalan yang digunakan para perwakilan.

Beliau berkata, taktik penggunaan kenyataan separuh benar itu yang memang berkesan untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat, turut digunakan regim Nazi dahulu dalam usaha untuk mendapatkan sokongan kepada Hitler.

Dr Mahathir mengingatkan anggota parti supaya tidak membuat sebarang tuduhan melulu terhadap mana-mana pemimpin seperti yang terkandung dalam surat layang itu.

Sebaliknya, beliau berkata, sebarang teguran yang dibuat terhadap pucuk pimpinan seperti dalam perhimpunan itu, haruslah berasas.

Dr Mahathir juga tertarik kerana ada isu-isu tertentu yang dibangkitkan dalam persidangan itu berdasarkan tuduhan-tuduhan yang terkandung dalam surat layang, yang beliau sendiri akui turut menerimanya.
-- Lagi.

▼08/11/18-54MST

CNS0836

U FB 08-11 0011.4 PW220

BAH DEM

Mahathir - Surat Layang 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir turut mengingatkan para perwakilan mengenai budaya rasuah politik, yang menurut beliau juga berlaku dalam parti itu. sekarang termasuk di peringkat cawangan bagi mendapatkan sokongan.

Sambil melahirkan rasa kecewanya, beliau menegaskan bahawa gejala itu akan menyekat UMNO dalam perjuangan asalnya untuk membela bangsa Melayu dan Bumiputera.

Katanya, parti UMNO menyediakan saluran-saluran tertentu yang berasaskan demokrasi untuk menjadi pemimpin.

Walaupun menyamakan demokrasi, Dr Mahathir mengingatkan supaya anggota parti bersikap berhati-hati dalam mengamalkan demokrasi supaya memilih pemimpin yang jujur.

+Kalau kita tidak tahu gunakan cara-cara yang sesuai maka ia akan membawa keburukan, tambah beliau. -- Lagi.

08/11/19-28MST

CNS0838

U PB 08-11 00096 FW221

BAH DEM

Mahathir - Surat Layang 5 (Akhir) Kuala Lumpur

+Kita pilih pemimpin kerana hendak dia buat sesuatu untuk mencapai matlamat perjuangan kita. Bukan pilih pemimpin supaya dia jadi pemimpin, lepas itu dia duduk diam saja, katanya.

Katanya, sistem yang diamalkan UMNO ialah sistem yang terbaik kerana dia berdasarkan suara ramai, iaitu orang yang dipimpin.

+(Sistem) pemimpin yang dipilih orang yang dipimpin ialah cara terbaik kerana dia terpaksa bertanggungjawab kerana orang yang memilih dia.

+Kalau dia buat silap maka dia boleh diturunkan, kata Dr. Mahathir. -- Bernama.

08/11/19-34MST